

23 JUN 2002

MAHASISWA SOKONG DR MAHATHIR SUPAYA TERUS JADI PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Persatuan Warga Warisan Melayu Muda Malaysia (Wawasan), yang menggabungkan 18 persatuan mahasiswa institusi pengajian tinggi tempatan, menyediakan satu memorandum dalam bentuk kain rentang untuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Memorandum yang mengandungi harapan agar Perdana Menteri terus memimpin negara dan bangsa Melayu itu diserahkan kepada Timbalan Menteri Penerangan Datuk Khalid Mohamed Yunus di sini hari ini.

"Saya akan sampaikan memorandum ini kepada Dr Mahathir sekembalinya beliau daripada bercuti nanti," kata Khalid kepada media selepas merasmikan Pra-Konvensyen Mahasiswa Melayu Kebangsaan 2002 (KMMK 02) di Kolej Kedua Universiti Putra Malaysia (UPM) hari ini.

Pra-konvensyen itu disertai 18 universiti utama, kolej universiti dan pusat matrikulasi dan antara isu yang dibincangkan ialah pendidikan dan globalisasi.

Semalam, Perdana Menteri membuat kenyataan mengejutkan negara pada akhir Perhimpunan Agung Umno apabila mengumumkan keputusan meletakkan semua jawatan parti Umno dan Barisan Nasional tetapi menarik balik keputusannya itu selepas dirayu para anggota Majlis Tertinggi parti.

Dr Mahathir berlepas untuk bercuti ke Eropah selama seminggu pagi ini.

-- BERNAMA
LIB AHH RON